



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam**

**PENGUASA KASTAM KANAN (B.2 / B.2 EB.3)  
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENGUASA KASTAM KANAN  
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

- i) Mempunyai kelulusan *Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)* atau *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)* atau kelulusan profesional badan perakaunan yang diiktiraf.

**ATAU**

- ii) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Ekonomi / Kewangan / Perakaunan / Pengurusan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2**

- i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Ekonomi / Kewangan / Perakaunan / Pengurusan atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.



2. Berkemahiran dalam mengendalikan komputer terutamanya bagi pengumpulan dan penganalisan data.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Selaku Ketua Unit Siasatan Kewangan;
2. Merancang dan menyediakan program siasatan kewangan;
3. Membuat pemantauan serta penilaian risiko terhadap deklarasi-deklarasi *Cross Border Movement of Physical Currency and Bearer Negotiable Instruments (CBNI)* yang mencurigakan;
4. Membuat laporan serta cadangan / penilaian terhadap kes-kes berkaitan dengan duit;
5. Membuat lawatan rambang ke Pos-Pos Kawalan untuk membuat penilaian akan kemantapan pengawalan / pemeriksaan terutama sekali berkenaan dengan (*CBNI*) ataupun pemeriksaan duit;
6. Membuat penganalisan akan kes-kes sebenar yang telah terjadi, sedang terjadi, ataupun dijangka akan terjadi (*real-life case studies*);
7. Menghasilkan laporan berdasarkan dari maklumat siasatan ataupun statistik yang telah dikumpul – bukan hanya bersifat abstrak semata-mata;
8. Memahami dan mendapatkan pendedahan akan perundangan Negara Brunei Darussalam seperti Perintah Kastam, Perintah Eksais, Perintah Pengembalian Aset Jenayah dan perundangan-perundangan yang berkaitan;
9. Menambah baik serta melicinkan prosedur-prosedur yang sedia ada dengan lebih berkesan / sistematik; dan
10. Menerima arahan Ketua dari semasa ke semasa.